



Always Listening. Always Understanding.

Prudential Assurance Malaysia Berhad
(107655-U)

Menara Prudential, 10 Jalan Sultan Ismail,
50250 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2116 0228 Fax: 03-2032 3939
Email: customer.mys@prudential.com.my

www.prudential.com.my

Panduan Perkhidmatan

Syarikat kami menawarkan produk-produk insurans hayat melalui tenaga agensi, rakan kongsi bank, saluran dalam talian, dan lain-lain. Jika anda berniat untuk membeli produk insurans hayat yang dipasarkan oleh ejen-ejen kami, anda boleh menikmati perkhidmatan tambah nilai seperti yang dinyatakan.

Apakah Perkhidmatan yang anda boleh harapkan dari Ejen kami?

1 Sebelum anda membeli polisi

⚠ Berurusan hanya dengan ejen-ejen yang berdaftar

Anda boleh menyemak status ejen melalui laman sesawang Life Insurance Association of Malaysia's (LIAM) atau melalui sistem pesanan ringkas (SMS).

Layari <http://www.liam.org.my/index.php/customer-zone/know-your-agent> untuk maklumat lanjut.

Membantu Anda Memilih Pelan Insurans yang sesuai

- Meneliti kandungan Borang Pencarian Fakta Pelanggan untuk memahami keperluan insurans dan matlamat kewangan anda.
- Mengesyorkan pelan insurans yang sesuai selepas menilai keperluan anda.

Menerangkan Ciri-Ciri Produk

- Menerangkan ciri-ciri produk, manfaat yang dibayar, pengecualian, premium dan caj-caj.
- Menyediakan Helaian Penerangan Produk, untuk membantu anda dalam membuat keputusan yang tepat dan memudahkan anda membuat perbandingan produk

2 Apabila anda membuat keputusan untuk membeli polisi

Membantu anda dalam permohonan polisi

- Menerangkan kepentingan menjawab soalan-soalan di dalam borang permohonan dengan lengkap dan tepat.
- Menghantar permohonan untuk proses pengunderaitan selepas anda menandatangani borang permohonan.
- Mengatur pemeriksaan perubatan dengan salah sebuah daripada klinik panel kami, jika perlu.
- Memaklumkan kepentingan membuat penamaan untuk memastikan wang polisi diterima oleh penama/ waris sekiranya berlaku kematian.

Menerangkan terma dan syarat polisi

- Dokumen polisi akan dihantar kepada anda (dengan tangan atau melalui pos) dalam masa 14 hari.
- Menerangkan terma-terma dan syarat-syarat polisi kepada anda bagi memastikan pelan yang dibeli sesuai dengan keperluan anda.

3 Semasa Tempoh Polisi

Perkhidmatan Polisi yang Berterusan

- Membantu dalam proses pembaharuan polisi.
- Menyediakan perkhidmatan berterusan seperti pengubahsuaian polisi, pertukaran alamat dan kekerapan pembayaran premium. Jika ejen telah meninggalkan Syarikat, pihak kami akan melantik ejen baru untuk berkhidmat kepada anda.

Membantu anda dalam membuat Tuntutan

- Membimbing anda untuk melalui prosedur standard bagaimana membuat tuntutan insurans.

Portal Pelanggan

Sila layari portal Pelanggan kami di <https://pruaccessplus.prudential.com.my> untuk mengakses maklumat polisi anda secara dalam talian.

Now, you can check the status of insurance agents at your fingertips!

via Internet
www.liam.org.my

1 Know Your Agent

2 Key in MyKad or LIAM No. Search Result

3 Search Result

Enter agent's MyKad / Old IC / LIAM No.

via SMS
Language: E-English, M-Bahasa Malaysia, C-Chinese
Search: A-MyKad / Old IC B-LIAM No.

Type: LIAMENQ<space> Language (E/M/C) <space>Search(A/B) <space> (MyKad / Old IC / LIAM No.) and SEND TO 63633

LIAMENQ E A 881212115168

43433 LIAMENQ E A 881212115168

43433 LIAMENQ E A 881212115168

LIFE INSURANCE ASSOCIATION OF MALAYSIA
No. 4, Lorong Medan Tiarung Saba, Medan Tiarung, 30300 Kuala Lumpur, Malaysia.
☎ 603 2691 6168 / 2691 6628 / 2691 8068 ☎ 603 2691 7978
www.liam.org.my ✉ liaminfo@liam.org.my

Jika anda tidak berpuas hati dengan perkhidmatan ejen kami, atau memerlukan sokongan tambahan daripada syarikat kami, anda boleh menghubungi kami di 03-2116 0228